

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN BUKAN LISAN

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,

PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN

DARIPADA : TUAN GOBIND SINGH DEO [PUCHONG]

TARIKH : 18 MEI 2015 (ISNIN)

SOALAN :

Tuan Gobind Singh Deo [Puchong] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan bilangan rumah penjagaan orang-orang tua di Puchong dan senaraikan mereka serta nyatakan apakah usaha Kerajaan untuk membantu dan jumlah bantuan kewangan tahunan sekiranya diberikan.

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI BINTI ABDUL KARIM,
MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA
DAN MASYARAKAT

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) bertanggungjawab menerajui agenda pembangunan masyarakat sejahtera. Oleh itu usaha untuk memelihara kesejahteraan kumpulan sasar terutama golongan orang tua adalah amat dititikberatkan.

Bilangan Pusat Jagaan bagi orang-orang tua di kawasan Puchong sehingga Disember 2014 adalah sebanyak tiga (3) buah iaitu:

SENARAI PUSAT JAGAAN WARGA EMAS
KAWASAN : PUCHONG

BIL	NAMA PUSAT JAGAAN	KATEGORI	ALAMAT	NO TELEFON	STATUS PENDAFTARAN
1	PUSAT JAGAAN WARGATUA CAHAYA (WE)	WARGA EMAS	NO 2, JALAN MERPATI 8, BANDAR PUCHONG JAYA, 47100 PUCHONG	017-3990362	BERDAFTAR (18.5.2011 – 17.5.2015)
2	UNIQUE FAMILY CARE HOME (WE)	WARGA EMAS	NO 2, JLN PU 1/10A, TMN PUCHONG UTAMA, 47140 PUCHONG	014-3327562	BERDAFTAR (10.4.2014 – 9.4.2019)
3	RUMAH VICTORY ELDERLY HOME (WE)	WARGA EMAS	NO 2, JALAN 8, JALAN PUCHONG, BATU 8, TAMAN BUKIT KUCHAI, 47100 PUCHONG	03-80751660 012-3888419	BERDAFTAR (17.2.2015 – 16.2.2020)

Pengoperasian Pusat Jagaan dikendalikan samada oleh pihak Pertubuhan Sukarela Kebajikan (PSK) atau swasta. Bagi Pusat Jagaan yang dikendalikan oleh PSK dan pengoperasiannya berorientasikan kebajikan, JKM menyediakan Geran (Bantuan Kewangan Kerajaan) bagi membantu menampung kos pengoperasian Pusat Jagaan berkenaan. Namun begitu, tiada bantuan geran dikeluarkan kepada Pusat Jagaan untuk orang-orang tua di kawasan Puchong pada tahun 2014.

Manakala bagi Pusat Jagaan swasta yang berdaftar di bawah Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan pengoperasiannya yang berorientasikan keuntungan, pihak JKM tidak mempertimbangkan Geran. Walaubagaimanapun, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) tetap menyediakan perkhidmatan sokongan bagi membantu Pusat Jagaan swasta seperti:

- (i) Memberi bimbingan dan khidmat nasihat berhubung penubuhan dan penyediaan perkhidmatan kumpulan sasar.

- (ii) Menyediakan surat sokongan bagi Pusat Jagaan Swasta yang memohon pengecualian cukai dari Lembaga Hasil Dalam Negeri untuk sumbangan yang diterima.

- (iii) Menyediakan surat sokongan bagi Pusat Jagaan Swasta yang memohon permit Pegawai Dagang dari Jabatan Imigresen Malaysia.